

**MB Perak Beri "Ang Pow" Rumah Baru Kepada Keluarga Daif  
Bernama  
22 Januari, 2012**

IPOH, 22 Jan (Bernama) -- Dua keluarga daif di Buntong dan Kampung Baru Ampang di sini bakal menerima "ang pow" berbentuk rumah baru seperti yang dijanjikan Menteri Besar, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir pada Ahad.

Rumah itu ialah untuk keluarga Kan Long, 76, yang tinggal di Buntong bersama empat lagi anggota keluarganya serta untuk Chai Wah Leong, 55, yang tinggal berseorangan di Kampung Baru Ampang.

Zambry berkata bantuan itu merupakan usaha kerajaan untuk membasmi kemiskinan rakyat di Perak.

"Kita menubuhkan pasukan khas untuk mengenal pasti rumah yang daif dan uzur untuk diberi bantuan sewajarnya kepada mereka seperti membina rumah supaya mereka dapat hidup dalam keadaan lebih selesa.

"Rumah mereka akan diganti dengan rumah yang baru kerana saya lihat keadaan rumah mereka sangat menyedihkan dan tiada bekalan elektrik," katanya kepada pemberita selepas melawat rumah empat keluarga miskin di kawasan tersebut.

Zambry yang ditemani isteri Datin Saripah Zulkifli turut menyampaikan ang pau dan hamper kepada empat keluarga berkenaan, sempena perayaan Tahun Baru Cina.

Rumah Kan dan Chai akan dirobuhkan dalam tempoh seminggu dan kerja membina rumah baru akan dilaksanakan oleh Yayasan Bina Upaya dengan kerjasama Majlis Bandaraya Ipoh.

Anak lelaki Kan, Yong Kam Sang, 54, berkata dia gembira kerana kerajaan negeri akan memberi rumah baru kepada keluarganya.

"Kunjungan Menteri Besar dan isteri sangat bermakna buat kami sekeluarga. Saya harap Tahun Baru Cina tahun depan akan lebih meriah apabila dapat tinggal di rumah baru," katanya.

Bagi Chai yang menjual ikan laga, dia merasa seperti bermimpi apabila mendapat rumah baru.

"Saya sangat gembira hari ini kerana tak lama lagi dapat tinggal di rumah baru. Rumah saya tiada bekalan air dan rumah pun sudah reput. Selepas ini dapat tinggal rumah yang selesa sikit," katanya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=641711>

